

05/09/2001

Peserta mahu resolusi dilaksanakan segera

Mohd Azrone Sarabatin

TIGA resolusi yang diputuskan pada Kongres Pendidikan Melayu anjuran Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) dan Kumpulan Melayu Prihatin perlu dilaksanakan segera bagi membela pendidikan anak Melayu.

Peserta kongres dua hari yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur itu ketika ditemui menyifatkan resolusi berkenaan mampu menjadi wadah dan landasan bagi menjana kecemerlangan pelajar Melayu.

Pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Abd Halim Mohd Hussin, berkata resolusi berkenaan jika dilaksanakan dapat memberi kesan positif terhadap masa depan bangsa Melayu.

Katanya, tiga isu yang diperjuangkan adalah usaha murni ke arah memartabatkan maruah masyarakat Melayu agar dapat bersaing dengan kaum lain pada alaf serba mencabar.

Beliau berkata, jika semua pihak bekerjasama menjayakannya tidak mustahil pada masa akan datang masyarakat itu dapat melahirkan generasi muda yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang.

"Resolusi itu amat baik tetapi ia akan hanya tinggal perancangan sekiranya tiada usaha berkesan dilakukan bagi menjayakannya," katanya ketika ditemui selepas kongres berkenaan.

Tiga resolusi yang diputuskan pada kongres berkenaan ialah:

1. Menubuhkan sebuah persatuan bagi memantau dan mempertingkatkan kecemerlangan masyarakat Melayu terutama sekali dalam bidang pendidikan
2. Menubuhkan Institut Penyelidikan Pendidikan dan Pembangunan Melayu
3. Menubuhkan Tabung Pendidikan dan Pembangunan Melayu

Resolusi berkenaan dibacakan oleh Ahli Jawatankuasa Penganjur yang juga Pengerusi Human Resources Development Council, Datuk Dr Mokhzani Abdul Rahim.

Kongres dihadiri kira-kira 2,500 peserta itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad manakala majlis penutup disempurnakan Pengerusi Kongres, Tengku Razaleigh Hamzah.

Enam kertas kerja dibentangkan, antaranya ialah 'Dasar dan pelaksanaan dalam sistem pendidikan kebangsaan' oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Universiti Tun Abdul Razak, Prof Datuk Dr Syed Othman Alhabshi dan 'Prestasi Pelajar Melayu/Bumiputera di peringkat sekolah rendah (UPSR), Menengah (PMR, SPM dan STPM) dan institusi pendidikan tinggi (IPT) (Prof Datuk Dr Isahak Haron).

Sambil memberi contoh penubuhan persatuan bagi memantau dan mempertingkatkan kecemerlangan masyarakat Melayu terutama sekali dalam bidang pendidikan, katanya penubuhan persatuan itu adalah wajar.

Beliau berkata, adalah wajar persatuan berkenaan dapat menyatukan pertubuhan sedia ada kerana usaha itu dapat membentuk perjuangan yang lebih besar untuk anak bangsa.

Presiden Persatuan Pengamal Pendidikan Malaysia (Pendidik), Rajiee Hadi, pula berkata penubuhan tabung pendidikan dan pembangunan Melayu seperti yang diputuskan dalam resolusi itu merupakan langkah bijak.

Beliau berkata, dengan kewujudan tabung berkenaan masalah kewangan anak Melayu terutama dari keluarga berpendapatan rendah dapat diatasi, sekali gus membantu melahirkan lebih ramai graduan pada masa akan datang.

Menurutnya, sebelum ini ramai anak muda berkelayakan menyambung pengajian ke menara gading tetapi terpaksa melupakan hasrat itu kerana berhadapan masalah kesempitan hidup.

"Oleh itu, bagi saya penubuhan tabung ini perlu disegerakan dan sewajarnya golongan berkemampuan terutama ahli korporat dan usahawan tampil memberi sumbangan bagi mengisinya.

"Jangan hanya mementingkan diri sendiri tanpa perlu diambil kira anak bangsa yang terpaksa mengorbankan cita-cita kerana dihimpit kemiskinan sedangkan mereka berkelayakan menyambung pengajian ke universiti.

"Kitalah sebenarnya yang berhak membantu orang Melayu kerana tiada siapa yang boleh diharapkan selain kita sendiri," katanya yang juga Presiden Kesatuan Kebangsaan Guru Bahasa Melayu Se-Malaysia (KKGBMS).

Guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Puterijaya, Kuala Lumpur, Kamarudin Kasim pula berpendapat penubuhan institut penyelidikan pendidikan dan pembangunan Melayu membantu mengesan kelemahan akademik masyarakat itu.

Katanya, menerusi penyelidikan berkenaan kaedah terbaik membangunkan pelajar dapat ditemui dan faktor itu dapat menjadi landasan terbaik membantu kecemerlangan mereka.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan institut itu dianggotai oleh pengamal pendidikan dan intelektual Melayu yang berkepakaran dalam bidang penyelidikan dan pembangunan berkaitan akademik.

"Saya harap institut itu akan menjadi pusat ilmu yang boleh membantu mempertingkatkan mutu pendidikan anak-anak kita dalam semua peringkat peperiksaan bermula dari sekolah sehingga ke IPT," katanya.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, berharap semua resolusi yang dicapai dapat dijayakan kerana manfaatnya adalah untuk generasi muda Melayu.

Katanya, adalah sesuatu yang sia-sia sekiranya program itu dan kesepekatan yang dicapai tidak dapat dijadikan kenyataan kerana ia menggunakan perbelanjaan besar.

Oleh itu, menurutnya kejayaan resolusi berkenaan bergantung kepada kerjasama semua pihak dengan mereka dituntut berkorban merealisasikan ketetapan yang sudah dicapai.

"Resolusi ini jika kita hayati adalah suatu perjuangan atau tuntutan yang amat baik, justeru adalah menjadi kewajipan kita memperjuangkannya ke arah kegemilangan pendidikan anak bangsa," katanya.

Sementara itu, Dr Mokhzani menyifatkan resolusi berkenaan sebagai persetujuan semua peserta kongres dan ia adalah mercu tanda kegigihan mereka memartabatkan maruah bangsa Melayu.

Katanya, resolusi yang dicapai adalah himpunan kepada semua perbincangan dan cadangan yang dibuat oleh peserta sepanjang kongres itu berlangsung dan pada dasarnya ketetapan itu adalah idea perdana mereka.

"Inilah resolusi yang kami capai selepas selesai kongres ini dan ia akan diperjuangkan sehingga menjadi kenyataan kerana sedar perjuangan mengangkat martabat anak Melayu adalah satu kewajipan," katanya.

(END)